

Barang keperluan mencukupi sambut Ramadan

Suraya Roslan dan Yusmizal Dolah Aling
am@hmetro.com.my

ORANG ramai dinasihatkan tidak bimbang dengan bekalan keperluan makanan harian bagi menyambut Ramadan kerana ia dijamin mencukupi.

Menteri Kanan (Kluster Keselamatan) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) membuat pemantauan harian 25 jenis bekalan di 1,133 pemeriksaan premis perniagaan termasuk 833 peruncit, 268 pemborong dan 32 pengilang setakat semalam.

"KPDNHEP bersama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MOA) juga sentiasa memantau bekalan makanan harian seperti beras, buah-buahan, sayur-sayuran, ikan, ayam, daging, telur dan susu segar di seluruh negara.

"Secara keseluruhan bekalan barangan keperluan mencukupi dan mampu menampung keperluan dalam negara yang berterusan," katanya pada sidang media harian hari ini.

Menurutnya, MOA juga memberi jaminan barang makanan basah seperti sayur-sayuran juga mencukupi.



MOA sentiasa memantau bekalan makanan harian seperti beras, buah-buahan, sayur-sayuran, ikan, ayam, daging, telur dan susu segar di seluruh negara. FOTO Arkib NSTP

Sementara itu, Ismail Sabri berkata, sebanyak 196 pusat kuarantin beroperasi berbanding 193 pada hari sebelumnya dengan jumlah keseluruhan 16,154 individu sedang menjalani proses kuarantin wajib, setakat 22 April lalu.

“Seramai 738 rakyat Malaysia pulang ke tanah air dan diarah menjalani kuarantin wajib, semalam.

“Sejak 17 April, 4,218 individu selesai menjalani tempoh kuarantin wajib dan dibenarkan pulang,” katanya.

Selain itu, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) membuka 237 kertas siasatan berkaitan berita palsu Covid-19 berbanding 229 kertas siasatan hari sebelumnya.

“Daripada jumlah itu sebanyak 169 masih dalam siasatan, 24 kes sudah didakwa di mahkamah dan 13 mengaku salah manakala 11 individu diberikan notis amaran,” katanya.

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/569934/barang-keperluan-mencukupi-sambut-ramadan-metrotv>

Artikel ini disiarkan pada : Rabu, 22 April 2020 @ 3:53 PM

